



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (66) 04/C/KM/ 181 /7 Jilid 1

18 Mei 2026

Semua pemegang lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF)

Tuan,

PELAKSANAAN AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011 DI KILANG BUAH KELAPA SAWIT

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) no rujukan KKM.100-6/1/348(18) bertarikh 3 April 2026 berkaitan perkara di atas.

2. MPOB ingin memaklumkan bahawa KKM telah mempertimbangkan dan mengambil maklum akan beberapa situasi yang dipraktiskan dan keperluan perundangan MPOB di kilang buah kelapa sawit (MF). Di samping itu KKM juga telah menyatakan bahawa MF yang mengeluarkan Keputusan Analisa makanan kepada pihak ketiga boleh mendapatkan khidmat juruanalisis makanan berdaftar sendiri atau dari tempat lain kerana Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia telah menetapkan had maksimum empat (4) tempat amalan bagi seorang juruanalisis makanan berdaftar (sila rujuk surat yang dilampirkan).

3. Walau bagaimanapun, premis MF masih tertakluk kepada pemeriksaan/penguatkuasaan oleh pegawai diberi kuasa KKM. Untuk itu, premis MF yang menjalankan pengujian secara komersial dan mengeluarkan laporan analisis makanan kepada pihak ketiga perlu mematuhi keperluan Akta Juruanalisis Makanan 2011.

4. Sehubungan dengan itu, MPOB berharap pemakluman ini dapat membantu MF di dalam melaksanakan aktiviti pengilangan buah kelapa sawit dengan *cost-effective* dan berlandaskan perundangan yang ditetapkan demi kelangsungan dan kelestarian industri kelapa sawit negara.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

DATUK DR AHMAD PARVEEZ GULAM KADIR
Ketua Pengarah

s.k. Persatuan Pengilang Minyak Sawit (POMA)
Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA)



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602





Ruj. Kami : KKM.100-6/1/348 (18)
Tarikh : 3 April 2026

YBhg. Datuk Dr Ahmad Parveez Gulam Kadir
Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor.

YBhg. Datuk,

PELAKSANAAN AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011 DI KILANG KELAPA SAWIT


Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat YBhg. Datuk kepada Program ini bertarikh 26 Februari 2026 dengan nombor rujukan (64) 04/C/KM/ 181/7 Jilid 1 adalah berkaitan.

2. Program ini mengambil maklum berhubung penjelasan daripada pihak YBhg. Datuk berkenaan perkara berikut:

- i. Kebanyakan makmal di kilang kelapa sawit hanya menggunakan keputusan ujian secara dalaman bagi menjalankan pemantauan kualiti minyak sawit mentah (*CPO*) dan isirung sawit (*palm kernel*).
- ii. Dokumen urusan (kontrak jualan dan dokumen pengalihan minyak kelapa sawit – MPOB L3) hanya melibatkan pernyataan standard spesifikasi kontrak yang digunakan secara menyeluruh oleh industri.
- iii. Kilang kelapa sawit perlu melaporkan maklumat pengeluaran kuantiti dan kualiti CPO dan PK secara harian dan bulanan kepada pihak MPOB yang merupakan agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia industri sawit negara.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk, kilang kelapa sawit yang mengeluarkan keputusan analisis makanan kepada pihak ketiga boleh mendapatkan khidmat juruanalisis makanan berdaftar sendiri atau dari tempat lain memandangkan Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia telah menetapkan had maksimum empat (4) tempat amalan bagi seorang juruanalisis makanan berdaftar.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



4. Walau bagaimanapun, aktiviti penguatkuasaan yang melibatkan pemeriksaan premis boleh dijalankan pada bila-bila masa oleh pegawai diberi kuasa di semua premis makanan tanpa mengambil kira sama ada kilang kelapa sawit terlibat mengeluarkan atau memperakukan keputusan analisis makanan kepada pihak ketiga atau menjalankan kawalan kualiti dalaman untuk kegunaan sendiri dan hanya terlibat untuk pelaporan kepada MPOB. Dalam hal ini, juruanalisis makanan yang terlibat boleh membuktikan pematuhan kepada Akta ini semasa pemeriksaan dijalankan oleh pegawai diberi kuasa.

5. Sehubungan itu, Program ini berharap pihak makmal di kilang kelapa sawit yang menjalankan sebarang aktiviti komersial dan melibatkan pengeluaran laporan analisis makanan hendaklah mematuhi keperluan sedia ada di bawah Akta Juruanalisis Makanan 2011.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ZAILINA BINTI ABDUL MAJID)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.:

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
2. Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia